

02/06/2003

35 berbasikal tingkat kesedaran Aids

KUALA LUMPUR: Program Riding for Life 2003' membabitkan 35 peserta yang akan berbasikal ke 17 daerah dan lima bandar di seluruh negara bermula semalam hingga 8 Jun ini, diharap dapat meningkatkan kesedaran serta kefahaman masyarakat mengenai Aids.

Presiden Majlis Aids Malaysia merangkap Pengerusi Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata mereka yang mengambil bahagian dalam perjalanan sejauh 949 kilometer dari ibu negara ke Johor Bahru itu akan mengedarkan risalah mengenai Aids kepada orang ramai.

Katanya, program yang dianjurkan bersama badan bukan kerajaan dari Singapura iaitu Action for Aids (AfA) itu, turut meletak sasaran mengutip derma bagi mengisi tabung yang dikendalikan yayasan berkenaan.

"Kita berterima kasih kepada semua penaja merangkumi badan korporat, organisasi dan individu yang tampil menghulurkan sumbangan," katanya pada sidang media selepas majlis pelepasan 35 peserta berbasikal 'Riding for Life 2003' oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Taman Tasik Titiwangsa, semalam. Hadir sama Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng.

Semua peserta, iaitu 20 dari Malaysia dan 15 dari Singapura, mula berbasikal dari ibu negara semalam ke Temerloh, seterusnya melalui Kuantan, Pekan, Bandar Muadzam Shah, Kuala Pilah, Seremban, Tampin, Melaka, Muar, Batu Pahat, Yong Peng, Ayer Hitam dan Johor Bahru sebelum ke Singapura.